



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**Ir HJH ROSNANI BINTI HJ MAHMOD
SETIAUSAHA PERBANDARAN MPSP**

SEMPENA

**PROGRAM KEJOHANAN BOLING SEMPENA SAMBUTAN HARI
ULANG TAHUN KE-81
T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
TAHUN 2019**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**27 JULAI 2019 (SABTU)
4.00 PETANG**

**MEGAMALL BOWLING CENTRE,
JALAN BARU, BANDAR PERAI JAYA,
SEBERANG PERAI TENGAH**

Disediakan oleh Jabatan Kemasyarakatan

Ucapan Setiausaha Perbandaran

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Wakil-Wakil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Seluruh Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Wakil Pengurusan Megamall Bowling Centre

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

.....

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, kita dapat bersama-sama berkumpul di *Megamall Bowling Centre* ini bagi menjayakan Kejohanan Boling Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-81 T.Y.T Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019. Program ini bertujuan menyambut Hari Ulang Tahun Ke-81 T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang, kejohanan ini berlangsung selama tiga (3) hari bermula dari 26 Julai (Jumaat) sehingga 28 Julai 2019 (Ahad). Saya berbesar hati dan gembira kerana MPSP telah dipilih menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Tenpin Boling sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-81 T.Y.T. Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2019.

Saya difahamkan bagi tahun ini, sebanyak tiga (3) kategori yang dipertandingkan sepanjang berlangsungnya acara boling selama tiga (3) hari. Antaranya kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kategori Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan kategori VIP. Kejohanan ini melibatkan sebanyak 259 orang peserta yang terdiri daripada 34 buah pasukan (3 orang sepasukan) daripada kategori PBT, 31 buah pasukan (4 orang sepasukan) kategori Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan 33 orang

untuk kategori VIP. Untuk kategori PBT pula terbahagi kepada tiga (3) jenis kategori iaitu *Single*, *Double* dan *Trio*.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Seperti mana yang semua maklum Sukan Kerajaan Tempatan Malaysia Tahun 2019, anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) akan diadakan pada 6 hingga 8 September 2019, bertempat di Majlis Bandaraya Melaka Bandar Bersejarah. Sukan badminton, *darts*, bola jaring, hoki, bola sepak dan boling merupakan sukan yang disenaraikan sebagai sukan kejohanan MALA. Program Kejohanan Boling pada hari ini dapat dijadikan sebagai satu latihan awal sebelum menghadapi kejohanan prestij MALA yang akan diadakan 6 hingga 8 September 2019.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Terdapat pelbagai jenis hadiah yang ditawarkan, ada berupa wang tunai, piala dan hamper. Hadiah wang tunai sebanyak RM 15,000.00 untuk kategori Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia yang terdiri daripada kategori *Trio*, *Single*, *Double*, *High Game* dan Keseluruhan. Manakala wang tunai sebanyak RM 4,950.00 disediakan untuk kategori

Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang akan berlangsung pada 28 Julai 2019 dan pemenang bagi kategori VIP akan diberikan hamper iaitu di;

Tempat Pertama : RM 250.00

Tempat Ke-2 : RM 200.00

Tempat Ke-3 : RM 150.00

Tempat ke-4 : RM 130.00 ; dan

Tempat Ke-5 : RM 110.00

Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya ingin merakamkan ribuan terima kasih ke atas penyertaan daripada PBT-PBT seluruh Malaysia yang hadir bagi memeriahkan Kejohanan Boling Sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-81 T.Y.T Yang

Di-Pertua Negeri Pulau Pinang Tahun 2019. Saya tidak mahu lagi memberi ucapan panjang lebar, dengan ini saya mengucapkan tahniah kepada para pemenang.

Dengan ini saya sudah dengan *Wabillahi Taufik Wal Hidayah*,
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, Terima kasih.